

Dr M enggan ulas komen KJ supaya LID dihentikan
Malaysiakini.com
June 19, 2011

Pengasas Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) Tun Dr Mahathir Mohamad tidak kisah dengan kenyataan Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin Abu Bakar supaya dialog seumpama itu dihentikan.

Tegasnya, setiap orang mempunyai pendapat yang berbeza dan mereka berhak pada pendapat mereka.

Beliau memberitahu Bernama demikian ketika diminta mengulas kenyataan yang muncul di Twitter Khairy malam tadi.

"Robert Mugabe tiba di Malaysia. Apa yang kita dapat dengan menjemput pemimpin macam dia? Dah lama dah... patut berhenti dialog cam ni," tulis Khairy.

Mahathir ditemui selepas perasmian LID 2011 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di Putrajaya.

Konvensyen dua tahun sekali itu bertujuan untuk merangsang kerjasama ekonomi antara Malaysia dan benua yang dilanda konflik, rampasan kuasa dan kemelut politik itu.

Robert Mugabe, 87, yang dilarang ke negara anggota Kesatuan Eropah berhubung rekod hak asasi regimnya, tiba di Malaysia pada hari Sabtu dan merupakan antara pemimpin 20 negara yang dijangka menghadiri forum empat hari itu.

Kira-kira 500 delegasi dari negara termasuk Lesotho, Gambia, Afrika Selatan, Uganda, Kenya dan Namibia dialu-alukan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak ketika beliau merasmikan forum ke-14 itu, dan yang kesembilan diadakan di Malaysia.